

No. Rujukan: UNIMAS/TNC(AA)/01-06/04 (08)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING AKADEMIK
BILANGAN 1 TAHUN 2026**

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Tarikh: 15 Januari 2026

Disalinkan kepada:

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Penolong Naib Canselor (Kepimpinan dan Pembangunan) Jaringan Industri dan Kelestarian
- Pendaftar
- Ketua-Ketua PTj

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/TNC(AA)/01-06/04 (08)

15 Januari 2026

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 1 TAHUN 2026

**PEMAKLUMAN PEMAKAIAN DASAR PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN
DI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI MALAYSIA
SARAWAK**

1. Pekeliling Akademik Bilangan 1 Tahun 2026 ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf UNIMAS berhubung mengenai pemakaian Dasar Penggunaan Kecerdasan Buatan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Malaysia Sarawak sebagai rujukan kepada staf dan pelajar Universiti
2. Dasar ini telah ditambah baik dan dikemaskini setelah melalui proses semakan terperinci daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Pejabat Pendaftar.
3. Pindaan dan pengemaskinian terhadap dasar ini berpandukan kepada pelbagai dokumen rujukan yang relevan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009, 2012, 2019 dan 2024);
 - Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak (Pindaan) 2024;
 - Peraturan Akademik UNIMAS bagi Pengajian Sarjana Muda (2022);
 - Polisi Integriti Akademik Universiti Malaysia Sarawak 2025;
 - Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Kebangsaan (MOSTI, 2024);
 - Garis Panduan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi 2024 oleh KPT;
 - Manual Jaminan Kualiti Akademik UNIMAS, Versi 2.0; dan
 - Polisi e-Pembelajaran dan ICT UNIMAS.
4. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 06/2025 kali ke-121 pada 08 Disember 2025 bersetuju dengan pemakaian Polisi Penggunaan Kecerdasan Buatan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Malaysia Sarawak.
5. Tarikh kuat kuasa Pekeliling Akademik Bilangan 1 Tahun 2026 ini adalah pada **15 Januari 2026.**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Profesor Dr. Fitri Suraya binti Mohamad Hapni Joblie
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Sarawak

15 Januari 2026

Dasar Penggunaan Kecerdasan
Buatan Dalam Pengajaran dan
Pembelajaran Di Universiti Malaysia Sarawak

DASAR PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Kepesatan kemajuan teknologi digital, khususnya dalam bidang Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence, AI*), telah membawa transformasi yang signifikan terhadap pelbagai sektor, termasuk sektor pendidikan tinggi. Dalam konteks Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), penerapan teknologi Kecerdasan Buatan berpotensi besar untuk memperkukuh keberkesanan dan kecekapan ekosistem pengajaran dan pembelajaran, di samping menjadi pemangkin kepada transformasi pedagogi dan inovasi pendidikan.
- 1.2 Bagi memastikan UNIMAS kekal relevan, berdaya saing dan adaptif dalam menghadapi dinamika sektor pendidikan tinggi yang semakin kompleks serta dipacu oleh Kecerdasan Buatan, Dasar ini digubal seiring dengan aspirasi Pelan-pelan strategik UNIMAS yang digubal setiap lima tahun untuk mencapai misi dan visi universiti. Penggubalan Dasar ini turut sejajar dengan hala tuju strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026–2036, termasuklah Garis Panduan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi 2024 oleh KPT, dan mandat Premier Sarawak dalam memperkasa agenda digitalisasi dan inovasi negeri.
- 1.3 Seiring dengan aspirasi nasional, Dasar ini turut mengambil kira *Malaysian National Artificial Intelligence Roadmap 2021-2025 (AI RMAP)* serta Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (*The National Guidelines on AI Governance & Ethic, AIGE*) 2024, yang dilancarkan dan dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai pelan hala tuju kebangsaan bagi penggunaan AI secara beretika, bertanggungjawab dan berimpak positif.
- 1.4 Pendekatan menyeluruh ini bertujuan memastikan UNIMAS bukan sahaja berupaya menyesuaikan diri dengan transformasi digital dan kecerdasan

buatan, tetapi juga berperanan sebagai peneraju dalam memacu inovasi pendidikan tinggi berasaskan Kecerdasan Buatan yang mampan, inklusif dan berteraskan nilai manusiawi. Dalam masa yang sama, universiti komited memastikan penggunaan Kecerdasan Buatan dilaksanakan secara beretika, bertanggungjawab, dan sejajar dengan nilai akademik, integriti ilmiah serta mandat pendidikan tinggi negara sebagaimana yang digariskan dalam dasar kebangsaan berkaitan.

2.0 MATLAMAT DAN TUJUAN

2.1 Matlamat Dasar ini adalah untuk melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran global yang kompleks dengan kecerdasan beretika yang diperkukuh dan diperkaya melalui kemajuan teknologi. Dasar ini berteraskan penggunaan kecerdasan buatan secara bertanggungjawab dan amanah, selari dengan nilai teras etika universiti.

2.2 Dasar ini digubal bagi mencapai tujuan-tujuan berikut:

- (a) Menetapkan rangka kerja dan garis panduan strategik bagi penerapan serta penyepaduan Kecerdasan Buatan dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran di UNIMAS;
- (b) Memastikan penggunaan Kecerdasan Buatan dilaksanakan secara beretika, bertanggungjawab dan selaras dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam dasar kebangsaan;
- (c) Meningkatkan kecekapan, keberkesanan, dan kualiti pengalaman pembelajaran melalui inovasi dalam reka bentuk, penyampaian, pentaksiran serta analitik pembelajaran; dan
- (d) Memperkasa keupayaan serta kesiapsiagaan warga universiti untuk mendepani perubahan teknologi melalui amalan pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan literasi digital yang menyeluruh.

3.0 PENYATAAN DASAR KECERDASAN BUATAN

3.1 UNIMAS, sebagai sebuah institusi pendidikan/pengajian tinggi awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30],

dan badan berkanun persekutuan, mengiktiraf dan menegaskan kepentingan serta potensi strategik AI sebagai pemangkin utama dalam memperkukuh kualiti, keberkesanan dan daya saing sistem pengajaran dan pembelajaran di universiti ini.

- 3.2** Dasar ini menetapkan prinsip, tanggungjawab, dan garis panduan pelaksanaan bagi memastikan penerapan Kecerdasan Buatan dalam semua proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran dijalankan selaras dengan nilai teras universiti, prinsip integriti akademik, piawaian keselamatan siber, privasi data, dan pematuhan terhadap perundangan serta dasar nasional yang berkuat kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelan-pelan strategik universiti, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026–2036, *Malaysian National Artificial Intelligence Roadmap 2021-2025 (AI RMAP)* (MOSTI) dan juga garis panduan kebangsaan bagi Kecerdasan Buatan.

4.0 KOMITMEN

- 4.1** UNIMAS turut beriltizam untuk mengintegrasikan Kecerdasan Buatan secara menyeluruh dalam ekosistem pengajaran, pembelajaran dan pengurusan ilmu bagi memastikan semua graduan UNIMAS kekal relevan dan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan serta cabaran pasaran kerja di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Komitmen universiti ini dizahirkan melalui tiga (3) keutamaan berikut:

- (a) Menyemai budaya keilmuan dan rasa ingin tahu dalam kalangan staf, pelajar dan pihak berkepentingan universiti melalui penggunaan Kecerdasan Buatan yang berfokus, efisien dan berimpak terhadap kualiti akademik.
- (b) Menegakkan prinsip integriti, keadilan, inklusiviti, kebolehppercayaan, pengawasan, privasi, keselamatan, ketelusan, kebertanggungjawaban inklusiviti serta amalan pedagogi yang mantap dalam ekosistem akademik.
- (c) Menjajarkan integrasi Kecerdasan Buatan dengan visi, misi dan Pelan Strategik UNIMAS, bagi memperkukuh agenda

transformasi digital, inovasi akademik dan pembangunan bakat sejajar dengan aspirasi pendidikan tinggi negara.

5.0 TAKRIFAN

Dalam Dasar ini, melainkan maknanya menghendaki makna konteks yang lain:

“Akademik” ertinya hal ehwal yang berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, perkhidmatan untuk kecemerlangan keilmuan dalam satu atau pelbagai bidang ilmu dan kesarjanaan;

“Badan Berkanun” ertinya suatu badan, walau dengan nama apa pun disebut, yang diperbadankan menurut peruntukan Undang-Undang Persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia;

“Dasar” ertinya asas, teras, panduan, aturan atau satu bentuk pelan tindakan bagi mencapai objektif untuk kepentingan negara, agensi, unit, pihak tertentu atau masyarakat;

“Etika” ertinya tingkahlaku dan kelakuan betul serta kehidupan yang baik berkaitan dengan konsep - konsep moral dan akhlak serta peribadi mulia seperti kebaikan, kebenaran, kewajipan, tanggungjawab dan keadilan;

“Etika Akademik” ertinya prinsip moral dalam pembelajaran dan pengajaran, mengamalkan sikap dan peraturan tertentu dalam persekitaran akademik;

“Fakulti” ertinya entiti akademik utama dan merupakan Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 24 Perlembagaan yang bertanggungjawab kepada Senat, atas penyusunan pengajaran dalam mata pelajaran mengenai pengajian, dalam bidang kuasa Akademi, Institut atau Pusat itu mengikut mana-mana yang berkenaan dan boleh menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan- peraturan serta menjalankan pengajaran bagi program-program sijil, diploma, ijazah atau apa-apa kelayakan akademik lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Senat untuk melahirkan graduan

dalam apa-apa program pengajian serta menjalankan penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk kecemerlangan keilmuan dan profesionalisme;

“Institusi Pendidikan/Pengajian Tinggi” ertinya institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya;

“Integriti” ertinya kualiti jujur dan prinsip-prinsip moral yang tinggi yang menggabungkan ketegasan, perhatian dan tanggungjawab yang mencirikan keserjanaan yang dihormati. Semua warga UNIMAS, termasuk staf pentadbir dan akademik, yang menceburi atau terlibat dalam penyelidikan, tanpa mengira disiplin akademik, harus menegakkan taraf etika yang tertinggi;

“Integriti Akademik” ertinya prinsip bermaruah dan kejujuran dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, dan pengembangan pengetahuan;

“Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence, AI*)” ertinya sistem sistem atau teknologi yang direka bentuk untuk melaksanakan tugas yang lazimnya memerlukan keupayaan intelektual manusia seperti pembelajaran, penaakulan, penyelesaian masalah, persepsi dan pemahaman bahasa, menggunakan kaedah yang merangkumi pembelajaran mesin (*machine learning*), pembelajaran mendalam (*deep learning*) serta teknik komputasi lain yang berkaitan;

“Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di sesuatu institusi yang bersekutu dengan Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-ijazah, lepasan ijazah, atau lepasan kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

“Pengajaran dan Pembelajaran” ertinya keseluruhan proses yang merangkumi reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta isi kandungan

kursus, penyampaian ilmu melalui pelbagai pendekatan pedagogi dan teknologi, pentaksiran hasil pembelajaran, serta aktiviti sokongan yang memupuk penglibatan, refleksi dan pembangunan sendiri pelajar.

“Pusat Tanggungjawab (PTj)” ertinya Fakulti, Institut, Pusat, dan Bahagian (F/I/P/B) dalam UNIMAS;

“Staf Akademik” ertinya guru yang merujuk kepada jawatan akademik; dan

“UNIMAS” ertinya Universiti Malaysia Sarawak.

6.0 PEMATUHAN DAN INTEGRITI

6.1 Sebarang pelanggaran terhadap Dasar ini termasuk tetapi tidak terhad kepada plagiat melalui penggunaan Kecerdasan Buatan, penggunaan Kecerdasan Buatan tanpa pendedahan yang sewajarnya, atau penyalahgunaan alat AI akan dianggap sebagai pelanggaran Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009, 2012, 2019 dan 2024).

6.2 Dasar ini terpakai kepada:

- (a) Warga UNIMAS seperti semua staf akademik, pelajar, dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penilaian, pembangunan kurikulum, atau sokongan akademik di UNIMAS; dan
- (b) Semua kursus, program, dan platform digital yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

7.0 ETIKA DAN PRINSIP – PRINSIP PENGGUNAAN

7.1 Etika Kecerdasan Buatan ialah satu bidang yang membincangkan isu moral yang berkaitan dengan pembangunan, penggunaan, dan kesan Kecerdasan Buatan. Ia menumpukan kepada cara pembangun, pengeluar, pengendali, dan pengguna harus bertindak bagi mengelakkan masalah

etika yang disebabkan oleh Kecerdasan Buatan, seperti reka bentuk yang tidak beretika, penyalahgunaan, atau aplikasi yang salah.

7.2 Pelaksanaan Dasar ini berpaksikan kepada prinsip-prinsip yang digariskan dalam Garis Panduan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi 2024 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), serta berpandukan secara khusus, kepada Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (*The National Guidelines on AI Governance & Ethics, AIGE*) 2024 yang diterbitkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

7.3 Prinsip-prinsip ini menjadi panduan kepada universiti dalam memastikan pelaksanaan Kecerdasan Buatan dapat mengimbangi inovasi teknologi dengan nilai kemanusiaan, memacu kemajuan masyarakat, meminimumkan risiko, serta menjamin keterangkuman dalam ekosistem pendidikan tinggi.

7.4 Antara prinsip-prinsip yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i). **Keadilan dan Inklusiviti** – Setiap pelajar berhak mendapat akses yang adil dan inklusif kepada alat kecerdasan buatan yang diperlukan, disertai dengan langkah perlindungan yang jelas bagi mengelakkan bias, diskriminasi atau pengecualian;
- (ii). **Kebolehpercayaan dan Pengawasan** – Kecerdasan buatan hendaklah berfungsi untuk melengkapkan, dan bukan menggantikan, kognisi serta kebijaksanaan manusia, dengan pemantauan yang berterusan bagi menjamin kebolehpercayaannya;
- (iii). **Privasi dan Keselamatan** – Data pelajar mestilah dilindungi dengan sewajarnya, selaras dengan undang-undang perlindungan data yang berkuat kuasa, bagi menjamin hak privasi dan keselamatan maklumat mereka;
- (iv). **Ketelusan dan Kebertanggungjawaban** – Segala output yang dijana oleh kecerdasan buatan perlu mempunyai atribusi yang

jas, manakala tanggungjawab penuh terhadap penggunaannya tetap terletak pada pengguna; dan

- (v). **Manfaat dan Kesejahteraan Sejagat** – Kecerdasan buatan harus digunakan untuk meningkatkan pemikiran kritis, memupuk kreativiti, serta menggalakkan interaksi pembelajaran sejagat yang bermakna dan seimbang.

7.5 Pematuhan kepada Etika dan Prinsip Kecerdasan Buatan yang terkandung dalam Garis Panduan Kebangsaan berkenaan dapat memastikan pembangunan dan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan dilaksanakan secara beretika, bertanggungjawab, dan selaras dengan nilai kemanusiaan serta integriti akademik. Ia juga memperkukuh kepercayaan warga universiti dan masyarakat terhadap penggunaan Kecerdasan Buatan dalam pendidikan tinggi, ke arah ekosistem pembelajaran digital yang selamat, adil dan berimpak positif.

8.0 BIDANG KEUTAMAAN PELAKSANAAN DASAR

Pelaksanaan Dasar Kecerdasan Buatan di UNIMAS memberi tumpuan kepada empat (4) bidang keutamaan utama yang menyokong matlamat universiti dalam memperkukuh ekosistem pengajaran, pembelajaran, serta pembangunan kapasiti warga universiti ke arah penerapan teknologi Kecerdasan Buatan secara beretika, bertanggungjawab dan berimpak positif.

8.1 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pelaksanaan Kecerdasan Buatan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di UNIMAS memberi tumpuan kepada integrasi teknologi ini dalam reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta isi kandungan kursus, penyampaian ilmu, pentaksiran hasil pembelajaran, serta aktiviti sokongan yang memupuk penglibatan, refleksi dan pembangunan sendiri pelajar.

8.2 Latihan dan Pembangunan Staf Akademik

UNIMAS komited untuk memperkukuh kompetensi digital dan pedagogi Staf Akademik melalui pelaksanaan program latihan berstruktur yang

menumpukan kepada kefahaman, kemahiran serta aplikasi Kecerdasan Buatan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, bengkel dan sesi pembangunan profesional akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang etika penggunaan Kecerdasan Buatan serta pematuhan terhadap Prinsip Integriti Akademik.

8.3 Sokongan kepada Pelajar

UNIMAS menekankan kepentingan pembangunan kemahiran literasi Kecerdasan Buatan dalam kalangan Pelajar bagi melahirkan graduan yang celik teknologi, beretika dan bertanggungjawab dalam penggunaannya. Bagi tujuan tersebut, universiti akan menyediakan panduan rasmi dan sumber sokongan bagi memastikan penggunaan Kecerdasan Buatan dalam tugas, projek serta penyelidikan dijalankan secara beretika, mematuhi prinsip-prinsip penggunaan yang dinyatakan di Seksyen 7.0 serta mematuhi Prinsip Integriti Akademik.

8.4 Infrastruktur Digital dan Keselamatan

UNIMAS menekankan keperluan penyediaan infrastruktur digital yang kukuh dan selamat bagi menyokong penerapan teknologi Kecerdasan Buatan dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran.

9.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

9.1 Staf Akademik

- (i) Bertindak sebagai Fasilitator Kecerdasan Buatan dan Penjaga Etika Akademik, dengan tanggungjawab untuk membimbing serta memastikan pelajar menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan secara beretika, bertanggungjawab, dan selaras dengan Prinsip Integriti Akademik universiti.
- (ii) Berkolaborasi dengan sistem Kecerdasan Buatan bagi mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang memupuk pemikiran aras tinggi serta memperkukuhkan keupayaan analitik pelajar.
- (iii) Menyatakan serta mendokumentasikan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan dalam pengajaran dan pembelajaran, selaras

dengan prinsip integriti, ketelusan, dan pematuhan dasar universiti.

- (iv) Mengutamakan Prinsip Integriti Akademik dengan mereka bentuk pentaksiranyang sama ada kalis terhadap penyalahgunaan Kecerdasan Buatan atau memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan secara beretika bagi meningkatkan keberkesanan pentaksiran.
- (v) Mengemas kini literasi Kecerdasan Buatan secara berterusan melalui penyertaan latihan profesional, pembangunan kapasiti akademik dan aktiviti penyelidikan berasaskan Kecerdasan Buatan.
- (vi) Melindungi privasi dan kerahsiaan data dengan tidak memasukkan, memuat naik atau memproses sebarang maklumat sensitif, sulit atau terperingkat ke dalam mana-mana platform Kecerdasan Buatan melainkan platform menyatakan dengan jelas perlaksanaan tentang perlindungan, kerahsiaan, tadbir urus data, penyulitan dan pematuhan rangka kerja pengawalseliaan yang diluluskan.

9.2 Pelajar

- (i) Menggunakan Kecerdasan Buatan sebagai rakan pembelajaran dalam proses sumbang saran, latihan, pemberian maklum balas dan aktiviti pembelajaran seumpamanya bagi memperkukuh keberkesanan proses pembelajaran.
- (ii) Mengelakkan daripada mengemukakan atau menghantar kandungan yang dijana Kecerdasan Buatan sebagai hasil kerja sendiri yang asli, bagi menjamin integriti dan kejujuran akademik.
- (iii) Menyatakan dengan jelas serta memberikan pengiktirafan atau atribusi yang sewajarnya terhadap penggunaan Kecerdasan

Buatan dalam penyediaan tugas, pembentangan, projek, dan semua bentuk kerja kursus yang lain.

- (iv) Menilai secara kritis output Kecerdasan Buatan dari aspek segi ketepatan, bias dan kerelevanan bagi memastikan kesahihan serta kebolehpercayaan maklumat yang digunakan.
- (v) Melindungi privasi dan kerahsiaan data dengan tidak memasukkan, memuat naik atau memproses sebarang maklumat sensitif, sulit atau terperingkat ke dalam mana-mana platform Kecerdasan Buatan melainkan platform menyatakan dengan jelas pelaksanaan tentang perlindungan, kerahsiaan, tadbir urus data, penyulitan dan pematuhan rangka kerja pengawalseliaan yang diluluskan.

9.3 Fakulti dan Pusat Tanggungjawab

- (i) Menyediakan latihan, panduan dan sumber sokongan berkaitan penggunaan Kecerdasan Buatan secara bertanggungjawab dan beretika.
- (ii) Memantau dan menilai penggunaan Kecerdasan Buatan dalam hal ehwal pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan pematuhan peruntukan dan prinsip yang digariskan dalam dasar ini.
- (iii) Menyokong dan memudah cara inisiatif staf akademik untuk mengintegrasikan Kecerdasan Buatan dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan, beretika dan bertanggungjawab.

10.0 KECERDASAN BUATAN DALAM PENTAKSIRAN

- (i) Pentaksiran Tanpa Kecerdasan Buatan: Sesetengah tugas atau pentaksiran hendaklah dilaksanakan tanpa bantuan Kecerdasan Buatan (contoh: peperiksaan atau ujian bertulis yang diselias).

- (ii) Pentaksiran Dengan Kecerdasan Buatan: Jika penggunaan dibenarkan, pelajar hendaklah menunjukkan bukti penggunaan yang bertanggungjawab (contoh: mendokumenkan proses, justifikasi, dan tahap sumbangan Kecerdasan Buatan terhadap tugas atau hasil kerja).
- (iii) Reka Bentuk Pentaksiran: Rubrik pentaksiran hendaklah menekankan pencapaian hasil pembelajaran dari segi pengetahuan dan/atau kemahiran, serta tahap penggunaan Kecerdasan Buatan secara bertanggungjawab dan beretika.
- (iv) Pendedahan Telus: Pelajar hendaklah membuat pendedahan dengan jelas mengenai bila dan bagaimana Kecerdasan Buatan digunakan dalam tugas atau pentaksiran (contoh: tujuan serta tahap penglibatan teknologi tersebut dalam penghasilan kerja).

11.0 SEMAKAN DAN PINDAAN

Dasar Kecerdasan Buatan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Akta atau Pekeliling, Surat Pekeliling, Peraturan – Peraturan, Dasar atau Undang – Undang Malaysia yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

12.0 SUMBER RUJUKAN PERUNDANGAN

- (i) Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Pindaan 2009, 2012, 2019 dan 2024);
- (ii) Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak (Pindaan) 2024;
- (iii) Peraturan Akademik UNIMAS bagi Pengajian Sarjana Muda (2022);
- (iv) Polisi Integriti Akademik Universiti Malaysia Sarawak 2025;
- (v) Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Kebangsaan (MOSTI, 2024);

- (vi) Garis Panduan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Tinggi 2024 oleh KPT;
- (vii) Manual Jaminan Kualiti Akademik UNIMAS, Versi 2.0; dan
- (viii) Polisi e-Pembelajaran dan ICT UNIMAS.

13.0 TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

Dasar ini terpakai dan berkuatkuasa sepenuhnya pada tarikh ianya diperakukan dan diluluskan oleh **Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 06/2025 kali ke-121 pada 08 Disember 2025.**

